

# UMS-ACISB jalin kerjasama komersil

## ► Penjualan formulasi makanan ikan laut

UB 22.11.2016 AG

Oleh ALFRED PETRUS

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Adabi Consumer Industries Sdn Bhd (ACISB) menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) penjualan formulasi makanan ikan laut, di sini, kelmarin.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata perjanjian

penjualan formulasi ikan laut antara UMS dan ACISB itu adalah untuk menjalinkan kerjasama pengkomersialan di antara kedua-dua pihak.

Katanya UMS menjual dua formulasi makanan laut yang dicipta oleh Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS Prof Dr Rossita Shapawi.

"Dua formulasi makanan ikan laut itu adalah Garoup-1 dan Garoup-2 yang berjumlah

RM30,000 bagi kedua-dua formulasi berkenaan.

"UMS akan melaksanakan proses pemindahan teknologi dalam tempoh enam bulan setelah perjanjian ditandatangani.

"Penyelidik UMS juga dilantik sebagai perunding teknikal atau biologi dalam proses skala naik formulasi," katanya pada majlis MOU berkenaan, di sini, kelmarin.

Harun berkata produk

makanan ikan itu akan dipasarkan di bawah anak syarikat ACISB iaitu Powerpets Food Sdn Bhd melalui rangkaian pengedaran di Malaysia dan negara-negara jiran.

Sementara itu, Presiden ACISB Adrian Roslan berkata sebagai salah sebuah syarikat bumiputera yang bertapak sejak 1984, Adabi telah mengeluarkan banyak produk makanan.



**HARUN (tengah) bertukar dokumen MOU dengan Adrian (tiga kanan). Turut kelihatan Rossita (tiga kiri).**

"Sejak bertapak, banyak produk makanan yang kami telah keluarkan bukan sahaja untuk manusia tetapi juga mengeluarkan produk untuk haiwan juga.

"Dan, dari kejayaan kami mengeluarkan produk makanan kucing iaitu Powercat, kami terus berkembang untuk

mengeluarkan makanan haiwan lain seperti ikan.

"Kerana itulah kami datang kembali ke UMS dengan kerjasama formulasi makanan ikan laut," jelasnya.

Manakala, bagi Rossita, penyelidikan yang dijalankan adalah untuk menggantikan komponen makanan ikan dengan menggunakan protein

mampan yang lebih mudah didapati dan murah tetapi mesti jumlah yang selamat untuk dimakan oleh ikan.

"Ini kerana ikan sendiri mempunyai keperluan mereka tersendiri untuk pemakanannya agar tumbesaran ikan sempurna," katanya pada majlis berkenaan.